

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 26 OKTOBER 2017 (KHAMIS)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	GECommunity 2:0 bakal berlangsung Disember ini	Utusan Malaysia
2.	NBOS jadi kerangka Bajet 2017	KOSMO
3.	Jenayah siber meningkat	Harian Metro
4.	Siti Aisyah, Thi Huong tidak pernah beritahu mereka ditipu	Utusan Malaysia
5.	Kim Chol sah rakyat Korea Utara	Sinar Harian
6.	Kim Chol disahkan rakyat Korea Utara	BERNAMA
7.	Gelam untuk kecantikan	Sinar Harian
8.	Gempar sederhana gegar laut Banda	BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 9
TARIKH : 26 OKTOBER 2017 (KHAMIS)



NAJIB TUN RAZAK bersama pemenang-pemenang anugerah pada majlis perasmian Komuniti Keusahawanan Global (GECommunity) dan Tahun Pengkomersialan Malaysia 2016 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Kuala Lumpur, tahun lalu.

GECommunity 2.0 bakal berlangsung Disember ini

PUTRAJAYA 25 Okt. - Kejayaan penganjuran Komuniti Keusahawanan Global (GECommunity) pada tahun lalu menyaksikan program tersebut bakal diadakan sekali lagi pada tahun ini dengan skala lebih besar.

Pengarah Unit Strategi Nasional, Kementerian Kewangan, Datuk Dr. Aminuddin Hassim berkata, program GECommunity 2.0 yang dijadualkan dilancarkan pada 12 Disember ini akan menggabungkan sebanyak lima program besar keusahawanan.

"Lima program keusahawanan yang akan diadakan ialah GECommunity oleh Kementerian Kewangan, Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY) oleh Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan program keusahawanan Kementerian Pendidikan Tinggi.

"Selain itu, turut dianjurkan ialah seminar dan persidangan awam Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS), Anugerah

Strategi Lautan Biru dan Anugerah Perkhidmatan Strategi Lautan Biru," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Aminuddin berkata, program GECommunity yang diadakan pada tahun lalu telah mencipta sejarah tersendiri apabila lebih 20 pemain industri yang mencipta fenomena di peringkat global seperti Uber, KFIT, Microsoft dan Grab hadir dalam persidangan tersebut.

Beliau berkata, pada tahun ini dijangkakan sebanyak 1,000 usahawan global yang berperangku akan terlibat dalam program tersebut.

Pada masa sama, katanya, pihaknya menyasarkan sebanyak 5,000 peserta akan menghadiri program yang bakal di rasmiakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak itu.

Katanya, sebanyak 100 bengkel berkaitan GECommunity akan berlangsung dengan memfokuskan kepada perbincangan

secara mendalam mengenai 15 bidang utama.

"Untuk kali ini bidang utama yang akan diberi fokus ialah ke pintaran buatan (*artificial intelligence* atau AI), mesin pembelajaran, e-dagang dan runcit, fesyen dan kecantikan, makanan dan minuman serta perkakasan dan *Internet of Things* (IoT) atau peranti internet berhubung sesama sendiri.

"Bidang lain yang akan mengambil tempat dalam persidangan selama dua hari itu ialah kesihatan dan biotech, media, permainan digital dan hiburan, pengangkutan, keselamatan dan teknologi maklumat, virtual realiti, pendidikan, inovasi sosial, teknologi kewangan (*fintech*), kreativiti dan bandar pintar," katanya.

Beliau berkata, objektif utama penganjuran bengkel tersebut ialah untuk mencari idea baharu dan mencipta peluang untuk mentransformasi idea tersebut.

**KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 2
TARIKH : 26 OKTOBER 2017 (KHAMIS)**

Perkhidmatan ditawarkan disebar luas menerusi penambahbaikan berterusan **NBOS jadi kerangka Bajet 2017**

Oleh LUQMAN RIDHWAN MOHD. NOR

BAJET 2017 mengandungi beberapa inisiatif kerajaan untuk memastikan kualiti perkhidmatan yang ditawarkan dapat ditingkatkan, sekali gus memberi manfaat kepada rakyat.

Salah satu daripadanya ialah meneruskan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).

Pengarah Unit Strategi Nasional (NSU), Datuk Dr. Aminuddin Hassim berkata, pembangunan berterusan Pusat Transformasi Bandar (UTC) merupakan antara perkara yang terus diberikan perhatian oleh kerajaan.

Menurut beliau, sehingga kini, terdapat 18 UTC yang telah dibangunkan terdiri dari pada 10 UTC Negeri dan lapan UTC Bandar dengan secara keseluruhannya, 52 juta orang pernah mendapat manfaat daripada kesemua UTC tersebut.

"Dua lagi UTC Negeri bakal beroperasi pada hujung tahun ini iaitu UTC Perlis dan UTC Negeri Sembilan, manakala UTC Selangor sedang dalam proses memuktamadkan agensi yang akan beroperasi di sana, termasuklah susun atur kedudukan agensi terbabit.

"UTC Pasir Gudang pula sedang dimuktamadkan proses rundingan harga dengan syarikat pemaju yang berjaya," katanya pada sidang akbar di Perbadanan 2, Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2, Putrajaya baru-baru ini.

MOBILE CTC
menyediakan perkhidmatan secara terus kepada rakyat khususnya di kawasan pedalaman.



MENTERI Besar Perlis, Datuk Seri Azlan Man (dua dari kanan) meninjau ruang perkhidmatan Agensi Negeri Perlis di UTC Perlis.



PEMERIKSAAN kesihatan turut disediakan di program Mobile CTC.

Aminuddin berkata, semua 10 UTC Negeri telah dilengkapi dengan Job Centers iaitu pusat yang menyediakan ruang dan peluang kepada rakyat negara untuk mendapatkan pekerjaan.

Beliau berkata, Job Fair @ UTC telah diadakan sebanyak dua kali pada tahun ini iaitu Job Fair @ UTC 2.0 pada 20 Mei lalu dan ia melibatkan 457 majikan.

Menurutnya, seramai 54,026 orang telah menghadiri program itu bagi merebut 26,275 peluang pekerjaan yang ditawarkan.

Setakat ini, sebanyak 7,974 orang telah ditawarkan pekerjaan secara terus di sana.

"Job Fair @UTC 3.0 telah diadakan pada 30 September lalu yang mana sebanyak 358 majikan telah mengambil bahagian untuk menawarkan sehingga 25,427 peluang pekerjaan.

"Seramai 6,656 orang telah ditawarkan kerja terus pada

hari yang sama, manakala 9,888 orang lagi dipanggil untuk sesi temu duga kedua," katanya.

Aminuddin memberitahu, sebanyak 248 program Mobile CTC telah diadakan sejak ia mula diperkenalkan pada 2013. Ia telah dimanfaatkan oleh 2,011,713 penerima faedah.

"Pada tahun 2017 ini sahaja, sebanyak 121 program berkenaan telah dijanjikan melibatkan jumlah pengunjung seramai 415,060 orang," katanya.

Program Mobile CTC merupakan salah satu inisiatif di bawah NBOS yang mana ia menghimpuan pelbagai perkhidmatan bergerak merentasi kementerian, jabatan dan agensi kerajaan.

Ia bertujuan memberikan perkhidmatan-perkhidmatan utama dan tertentu yang diperlukan penduduk terutamanya yang tinggal di luar bandar atau komuniti pedalaman.

Dalam pada itu, Aminuddin memberitahu, GECommunity 2.0 bakal dijanjikan pada bulan Disember nanti. Ia akan

dilasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada 12 Disember depan.

"Beliau berkata, ia menggabungkan lima program besar keusahawanan iaitu GEC oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), Malaysian Commercialization Year MCY 2017 oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Keusahawanan Kementerian Pengajian Tinggi (MOHE),

"Selain program keusahawanan itu adalah NBOS Public Lecture & Conference, Global Blue Ocean Award dan Global Blue Ocean Service Award," katanya.

Menurutnya, seramai 1,000 orang berpengaruh utama dalam ekosistem keusahawanan global akan terlibat dalam program tersebut, manakala sehingga 5,000 orang pe-

erta dijangka menyertainya.

Katanya, inisiatif Bahasa Inggeris @Malaysia (BIIM) dijangka untuk melatih sehingga 6,000 orang peserta kelompok B40 iaitu mereka yang berpendapatan bulanan sehingga RM3,855 pada tahun ini.

"Sehingga 30 September lalu iaitu setelah lima bulan pelaksanaannya sejak Jun lepas, seramai 7,882 orang peserta telah menghadiri kelas-kelas yang diadakan," ujarnya.

Katanya: "Memandangkan BIIM mendapat sambutan menggalakkan daripada orang ramai, program berkenaan akan dilanjutkan untuk tempoh kira-kira tujuh minggu iaitu bermula 1 November depan sehingga 15 Disember nanti."



AMINUDDIN
merunjukkan buku penerangan mengenai BIIM di Putrajaya baru-baru ini.



JENAYAH SIBER MENINGKAT

BERITA IT

Wan Nur Ameera Meor Rozman
itmetro@hmetro.com.my

Laporan risikan keselamatan terkini mendapati serangan ke atas akaun perkomputeran 'cloud' meningkat tiga kali ganda di peringkat global berikutan lebih banyak organisasi yang menggunakan platform terbabit.

Hasil-kajian Security Intelligence Report (SIR), Volume 22, di peringkat global mendapati Malaysia menjadi salah satu negara dengan kadar penemuan perisian malware yang kian meningkat.

Menurut laporan berke-

naan, purata 12.9 peratus komputer yang menggunakan produk keselamatan Microsoft di Malaysia menyusul malware pada suku pertama 2017 berbanding kira-kira sembilan peratus di peringkat global.

Pegawai Teknologi Kebangsaan Microsoft Malaysia Dr Dzahar Mansor berkata, pertumbuhan pesat titik akhir dan kuasa komputer yang sentiasa ada di cloud dilihat sebagai peluang terbaik untuk melaksanakan transformasi digital demi memberikan manfaat yang nyata kepada masyarakat.

"Bagaimanapun, untuk memastikan proses pendigitalan mencapai potensi penuh, pengguna mestinya yakin terhadap teknologi



DR.Dzahar (kiri) dan Dr Amirudin menunjukkan laporan keselamatan Microsoft.

yang digunakan mereka," katanya pada program yang diadakan di Microsoft Malaysia, baru-baru ini.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif CyberSe-

rity Malaysia Datuk Dr Amirudin Abdul Wahab berkata, ruang siber tanpa sempadan dan batasan membuka pintu kepada ancaman siber.

"Hari ini, kita mengha-

dapi salah satu cabaran keselamatan ekonomi dan kebangsaan terbesar sebagai sebuah negara. Kami berhasrat bekerjasama dengan rakan seperti Microsoft untuk mengukuhkan lagi komitmen dalam membina dan mengekalkan ruang siber yang lebih selamat untuk Malaysia."

Antara trend malware yang dikenal pasti termasuk serangan ke atas akaun dan perkhidmatan cloud serta peningkatan serangan perisian tebusan.

Oleh itu, organisasi perlu menggunakan platform cloud yang selamat, seperti penyelesaian awan Microsoft untuk menjamin keselamatan data syarikat.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 33
TARIKH : 26 OKTOBER 2017 (KHAMIS)

Siti Aisyah, Thi Huong tidak pernah beritahu mereka ditipu

SHAH ALAM 25 Okt. - Tertuduh Indonesia, Siti Aisyah atau tertuduh Vietnam, Doan Thi Huong tidak pernah memberitahu pihak polis mereka telah ditipu atau menunjukkan sebarang reaksi mereka tidak mengetahui perkara yang sedang berlaku sewaktu diserahkan kepada pegawai penyiasat selepas ditahan, pertengahan Februari lalu.

Pegawai Penyiasat Kanan, Ibu pejabat Polis Daerah (IPD) Sepang/KLIA, Asisten Superintendent Wan Azirul Nizam Che Wan Aziz, 39, memaklumkan perkara tersebut kepada Mahkamah Tinggi di sini hari ini pada perbicaraan hari ke-10 kes bunuh lelaki Korea Utara, Kim Jong Chol atau turut dikenali sebagai Kim Jong-nam.

Menurutnya, Siti Aisyah, 25, yang direkodkan telah keluar dari negara ini sejak 28 Januari lalu telah ditahan di Hotel Flamingo, Ampang dekat sini pada 16 Februari lalu manakala Thi Huong, 28, yang memasuki Malaysia pada 4 Februari ditahan di Aras 1, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2) pada 15 Februari lepas.

Kedua-dua wanita itu didakwa membunuh Jong-nam bersama-sama empat lagi individu yang masih bebas di Balai Berlepas, KLIA2, Sepang kira-kira pukul 9 pagi, 13 Februari-lalu dan pertuduhan terhadap mereka dikemukakan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman mati mandatori jika sabit kesalahan.

Menjawab soalan berhubung 'empat suspek yang masih bebas', saksi pendakwaan kesembilan itu memberitahu, pihak polis masih gagal untuk membuat tangkapan berikutan ketidaa maklumat mengenai mereka selain nama gelaran yang diberikan oleh tertuduh-tertuduh.

Wan Azirul Nizam turut menjelaskan, seorang lagi lelaki Korea Utara, Ri Jong-chol yang pernah ditahan sebelum ini dibe-



SITI AISYAH (kiri) dan Doan Thi Huong dibawa keluar dari mahkamah sambil dikawal oleh anggota polis selepas perbicaraan kes bunuh Kim Jong-nam di Shah Alam, semalam. - UTUSAN/SURIYA BONMA

baskan selepas pihak berkuasa mendapat tiada sebarang bukti yang membolehkannya didakwa di mahkamah.

"Jong-chol sebelum ini ditanah kerana berdasarkan rakaman kamera litar tertutup (CCTV) mendapat sebuah kenderaan yang daftarkan atas nama lelaki itu telah digunakan untuk menghantar dua daripada empat suspek yang masih bebas ke KLIA2 pada hari kejadian. Kenderaan tersebut merupakan sebuah kenderaan jenis Naza Ria warna perak atau kelabu," ujarnya.

Pada prosiding hari ini, Hakim Datuk Azmi Ariffin memutuskan untuk menerima masuk salinan pasport Jong-nam sebagai bahan bukti dan ditandakan sebagai P7 selepas meneliti keterangan Wan Azirul Nizam dan hujah pihak-pihak terlibat atas alasan walau-pun ia adalah salinan daripada dokumen perjalanan yang asal.

Pasport mangsa tersebut telah diserahkan kepada wakil Kedutaan Korea Utara yang juga bekas Duta Korea Utara ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Ri Tong-il pada 30 Mac lalu selepas diarahkan oleh Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Selangor.

Pada sesi petang, Wan Azirul Nizam mengaku melakukan kesilapan apabila terlewat hampir tujuh bulan untuk menghantar satu bungkus plastik berisi barang kes bertanda K-26 untuk dianalisis oleh Jabatan Kimia kerana terpaksa menguruskan jumlah eksibit (bahan bukti) yang terlalu banyak.

"Saya ada buat penghantaran pada asalnya untuk eksibit bertanda K-26 ini ke bahagian Senjata Kimia (CW) tetapi terlepas pandang untuk menghantar eksibit ke bahagian asid deoksiribonukleik (DNA)," katanya ketika menjawab soalan Pengarah Pendakwaan Negeri Selangor, Muhamad Iskandar Ahmad.

Katanya, beliau menerima barang kes iaitu sampel darah, kuku, bulu serta pakaian-pakaian daripada Siti Aisyah, dan menghantarnya ke tiga bahagian di **Jabatan Kimia** di Petaling Jaya pada 16 Februari lalu.

Wan Azirul Nizam berkata, barang kes bertanda K-26 berisi baju berwarna seakan kelabu tanpa lengan dan skaf berorak hitam putih ke Jabatan Kimia pada 20 September lalu.

Perbicaraan bersambung esok.

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 10
TARIKH : 26 OKTOBER 2017 (KHAMIS)

Kim Chol sah rakyat Korea Utara

SHAH ALAM – Mahkamah Tinggi di sini semalam diberitahu bahawa Kedutaan Republik Rakyat Demokratik Korea telah mengesahkan Kim Chol sebagai rakyat negaranya.

Pegawai Penyiasat Kanan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sepang/KLIA, Asisten Superintendend Wan Azirul Nizam Che Wan Aziz berkata, surat pengesahan mengenai perkara itu diterimanya daripada pihak kedutaan itu pada 17 Februari 2017.

Saksi pendakwaan kesembilan itu berkata, beliau sendiri mengambil surat pengesahan kerakyatan dan pasport Kim Chol dari pejabat Kedutaan Republik Rakyat Demokratik Korea.

"Pengesahan status individu si mati atas nama Kim Chol mengesahkan pernamanya mempunyai pasport Republik Rakyat Demokratik Korea, yang tertera nombor pasport 836410070, tarikh lahir 10 Jun 1970," katanya semasa pemeriksaan utama Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Iskandar Ahmad.

Wan Azirul Nizam memberi keterangan pada perbicaraan kes rakyat Indonesia, Siti Aisyah, 25, dan rakyat Vietnam, Doan Thi Huong, 28, yang didakwa bersama-sama empat orang lagi yang masih bebas, membunuh Kim Chol, 45, di Balai Pelepasan,

Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2) di Sepang, jam 9 pagi, 13 Februari lalu.

Wan Azirul

Nizam berkata, hasil siasatannya terhadap manifestasi penumpang pesawat di KLIA2 dan Jabatan Imigresen Malaysia mendapat Kim Chol memasuki negara ini pada 6 Februari 2017, yang direkodkan di pintu KLIA2.

Saksi itu juga beritahu bahawa Siti Aisyah direkodkan keluar dari Malaysia pada 21 Januari 2017 di pintu KLIA2 manakala Thi Huong direkodkan masuk negara ini pada 4 Februari 2017 di pintu KLIA Server 3.

Mengenai penangkapan kedua-dua tertuduh, beliau berkata, Siti Aisyah ditahan di Hotel Flamingo, Ampang manakala Thi Huong di tahan di KLIA2.

Beliau berkata, dua pegawai polis telah mengambil sebanyak 11 dan 10 barang kes masing-masing daripada Siti Aisyah dan Thi Huong.

"Kesemua barang kes itu telah dihantar ke **Jabatan Kimia** untuk tujuan pemeriksaan dan analisis siasatan kes," katanya.

Mengenai empat lagi suspek kes pembunuhan itu yang masih bebas,

BICARA KES BUNUH JONG NAM



Gambar: HASAN

Thi Huong dan Siti Aisyah yang didakwa membunuh Kim Chol.

Wan Azirul Nizam berkata, disebabkan kekurangan butiran peribadi empat suspek itu, pihak polis masih belum dapat tangkap mereka.

"Saya hanya mendapat nama gelaran suspek-suspek itu dan tidak mendapat sebarang maklumat peribadi mereka termasuk butir pentingan diri seperti nombor pasport dan nombor telefon."

"Bagaimanapun, pihak polis telah mengeluarkan arahan dan permohonan bantuan Cawangan Khas Bukit Aman dan Interpol (Polis Antarabangsa) untuk membantu mengesan kesemua suspek berkenaan," katanya.

"Mengenai empat lagi suspek kes pembunuhan itu yang masih bebas,

Beliau berkata, seorang lelaki bernama Ri Jong-Chol, yang ditangkap berhubung kes itu, telah dibebaskan kerana tiada bukti untuk membuat pertuduhan ke atasnya.

"Lelaki itu ditahan kerana ketiga jenis Naza Ria berwarna kelabu didaftarkan di atas namanya dan berdasarkan rakaman kamera litar tertutup (CCTV), lelaki itu dilihat menghantar dua suspek yang masih bebas ke klia2 pada hari kejadian. Sebab itu, saya menahan lelaki berkenaan untuk membantu siasatan."

"Bagaimanapun, Ri Jong-Chol telah diusir keluar dari negara ini kerana tiada bukti kukuh untuk disib-

kan dalam kes ini," katanya.

Semasa disoal Timbalan Pendakwa Raya Wan Shaharuddin Wan Ladin mengenai lelaki bernama Muhammad Farid Jalaludin, beliau berkata, lelaki berkenaan adalah seorang yang telah ditahan berhubung dengan kes itu, namun dia diberikan jaminan bon mahkamah.

"Berdasarkan siasatan saya, Muhammad Farid dan Siti Aisyah adalah pasangan kekasih," katanya.

Ketika disoal Wan Shaharuddin sama ada siasatan beliau berat sebelah, Wan Azirul Nizam menafikannya kerana beliau ambil kira semua aspek siasatan iaitu saksi pendakwaan, percakapan kedua-dua tertuduh selain melihat dan melakukan perbandingan ke atas rakaman CCTV di tempat kejadian dan rakaman CCTV yang dimohon oleh peguam.

Saksi itu berkata, beliau juga telah menghantar barang kes seperti sampel darah, kuku, bulu dan pakaiannya ke bahagian toksikologi, DNA dan Senjata Kimia di jabatan Kimia untuk dianalisis pada 16 Februari 2017, tetapi baju tanpa lengkap warna kelabu dan skaf yang dipercayai dipakai Siti Aisyah hanya dihantar ke jabatan itu pada 20 September lalu.

Perbicaraan di hadapan Hakim Datuk Azmi Ariffin bersambung hari ini. - *Bernama*

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 26 OKTOBER 2017 (KHAMIS)



Kim Chol Disahkan Rakyat Korea Utara - Pegawai Penyiasat

SHAH ALAM, 25 Okt (Bernama) -- Mahkamah Tinggi di sini hari ini diberitahu bahawa Kedutaan Republik Rakyat Demokratik Korea telah mengesahkan Kim Chol sebagai rakyat negaranya.

Pegawai Penyiasat Kanan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sepang/KLIA Asisten Supritendan Wan Azirul Nizam Che Wan Aziz berkata surat pengesahan mengenai perkara itu diterimanya daripada pihak kedutaan itu pada 17 Feb 2017.

Saksi pendakwaan kesembilan itu berkata beliau sendiri mengambil surat pengesahan kerakyatan dan pasport Kim Chol dari pejabat Kedutaan Republik Rakyat Demokratik Korea.

"Pengesahan status individu si mati atas nama Kim Chol mengesahkan penama mempunyai pasport Republik Rakyat Demokratik Korea, yang tertera nombor pasport 836410070, tarikh lahir 10 Jun 1970," katanya semasa pemeriksaan utama Timbalan Pendakwa Raya Muhamad Iskandar Ahmad.

Wan Azirul Nizam memberi keterangan pada perbicaraan kes rakyat Indonesia, Siti Aisyah, 25, dan rakyat Vietnam, Doan Thi Huong, 28, yang didakwa bersama-sama empat orang lagi yang masih bebas, membunuh Kim Chol, 45, di Balai Pelepasan, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (klia2) di Sepang pada 9 pagi, 13 Feb lepas.

Wan Azirul Nizam berkata hasil siasatannya terhadap manifes penumpang pesawat di klia2 dan Jabatan Imigresen Malaysia mendapati Kim Chol memasuki negara ini pada 6 Feb 2017, yang direkodkan di pintu klia2.

Saksi itu juga memberitahu bahawa Siti Aisyah direkodkan keluar dari Malaysia pada 21 Jan 2017 di pintu klia2 manakala Doan direkodkan memasuki negara ini pada 4 Feb 2017 di pintu klia Server 3.

Mengenai penangkapan kedua-dua tertuduh, beliau berkata Siti Aisyah ditahan di Hotel Flamingo, Ampang manakala Doan ditahan di klia2.

Beliau berkata dua pegawai polis telah mengambil sebanyak 11 dan 10 barang kes masing-masing daripada Siti Aisyah dan Doan.

"Kesemua barang kes itu telah dihantar ke **Jabatan Kimia** untuk tujuan pemeriksaan dan analisis siasatan kes," katanya.

Mengenai empat lagi suspek kes pembunuhan itu yang masih bebas, Wan Azirul Nizam berkata disebabkan kekurangan butiran peribadi empat suspek tersebut, pihak polis masih belum dapat menangkap mereka.

"Saya hanya mendapat nama gelaran suspek-suspek itu dan tidak mendapat sebarang maklumat peribadi mereka termasuk butir pengenalan diri seperti nombor pasport dan nombor telefon.

"Bagaimanapun, pihak polis telah mengeluarkan arahan dan permohonan bantuan Cawangan Khas Bukit Aman dan Interpol (Polis Antarabangsa) untuk membantu mengesan kesemua suspek berkenaan," katanya.

Beliau juga berkata seorang lelaki bernama Ri Jong-Chol, yang ditangkap berhubung kes itu, telah dibebaskan kerana tiada sebarang bukti untuk membuat pertuduhan ke atasnya.

"Lelaki itu ditahan kerana kereta jenis Naza Ria berwarna kelabu didaftarkan di atas namanya dan berdasarkan rakaman kamera litar tertutup (CCTV), lelaki itu dilihat menghantar dua suspek yang masih bebas ke klia2 pada hari kejadian. Sebab itu, saya menahan lelaki berkenaan untuk membantu siasatan.

"Bagaimanapun, Ri Jong-Chol telah diusir keluar dari negara ini kerana tiada bukti kukuh untuk disabitkan dalam kes ini," katanya.

Semasa disoal Timbalan Pendakwa Raya Wan Shaharuddin Wan Ladin mengenai lelaki bernama Muhammad Farid Jalaludin, beliau berkata lelaki berkenaan adalah seorang yang telah ditahan bersabit dengan kes itu namun dia diberikan jaminan bon mahkamah.

"Berdasarkan siasatan saya, Muhammad Farid dan Siti Aisyah adalah pasangan kekasih," katanya.

Ketika disoal Wan Shaharuddin sama ada siasatan beliau berat sebelah, Wan Azirul Nizam menafikannya kerana beliau telah mengambil kira semua aspek siasatan iaitu saksi-saksi pendakwaan, percakapan kedua-dua tertuduh selain melihat dan melakukan perbandingan ke atas rakaman CCTV di tempat kejadian dan rakaman CCTV yang dimohon oleh peguam.

Saksi itu berkata beliau juga telah menghantar barang kes seperti sampel darah, kuku, bulu dan pakaian ke bahagian toksikologi, DNA dan Senjata Kimia di Jabatan Kimia untuk dianalisis pada 16 Feb 2017 tetapi baju tanpa lengan warna kelabu dan skaf yang dipercayai dipakai Siti Aisyah hanya dihantar ke jabatan itu pada 20 Sept lepas.

Ditanya mengapa baju tanpa lengan dan skaf itu dihantar ke Jabatan Kimia selepas hampir tujuh bulan kemudian, pegawai penyiasat itu mengakui ia merupakan kesilapannya.

"Saya terlepas pandang untuk menghantar barang kes itu kerana pada ketika itu saya terpaksa menguruskan jumlah barang kes yang terlalu banyak untuk kes ini.

"Saya ada menghantar barang kes ini di bahagian Chemical Weapon, tetapi terlepas pandang untuk menghantarnya di bahagian DNA," katanya.

Perbicaraan di hadapan Hakim Datuk Azmi Ariffin bersambung esok.

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (BISNES) : MUKA SURAT 16
TARIKH : 26 OKTOBER 2017 (KHAMIS)

Gelam untuk kecantikan

Hasil kajian UMT beri manfaat kecantikan wajah

NOOR AINULYAKIN ISHAK

SEJAK dulu, gelam atau kayu putih (*Melaleuca Cajuputum*) sering digunakan dalam kehidupan harian. Selain digunakan untuk tujuan herba, gelam juga dimanfaatkan sebagai sumber minyak yang diekstrak untuk memberikan bau wangi dalam pelbagai produk.

Tidak hanya kegunaan tersebut, daun gelam kini diinovasi sebagai produk kecantikan. Berdasarkan hasil kajian penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dilanjutkan oleh Universiti Malaysia Terengganu (UMT) mendapati, daun gelam mempunyai khasiatnya tersendiri dalam merawat kulit wajah.

Menyedari khasiat tersebut, syarikat kosmetik Bumiputera, ZN Beauty menghasilkan produk pertamanya, bedak asas yang beraskan daun gelam.


Pengasasnya, Adnin Naim berkata, idea tersebut tercetus setelah dia membuat lawatan bersama Perbadanan Pembangunan



Gelam yang mempunyai khasiat tersendiri dan boleh digunakan dalam produk kosmetik.

Teknologi Malaysia (MTDC) ke UMT untuk melihat sendiri hasil kajian ekstrak daun gelam pada 2015 lalu. "Sebaik mengetahui khasiat ekstrak daun gelam boleh digunakan dalam produk kosmetik, kami cuba mencari formula yang tepat untuk menghasilkan jenis produk yang sesuai.

"Saya cuba menggabungkan ha-



Bedak asas yang bukan sahaja mencantikkan, bahkan membantu masalah kulit muka.

sil ekstrak itu dengan beberapa lagi kandungan asas lain untuk melihat keberkesanannya pada kulit," katanya.

Hasilnya setelah lebih enam bulan melakukan per cubaan, Adnin menemui formula dengan beberapa kandungan yang sesuai untuk digabungkan bersama dalam produk pertamanya iaitu bedak asas, NZ IV DD Cream Moisterizer.

Menurutnya, ia ekstrak daun gelam pertama digunakan di dalam produk bedak asas, di mana khasiat ekstrak daun gelam mempunyai antiseptik yang dapat membantu kulit dilindungi daripada bakteria.

"Persekitaran sekeling kita yang penuh dengan pencemaran, dan bakteria boleh menyebabkan pelbagai masalah kulit. Justeru ia perlu dielakkan dengan mengamalkan penjagaan kulit yang betul.

"ZN IV DD Cream Moisterizer hadir untuk menjadi antara produk yang boleh membantu melindungi kulit muka daripada permasalahan tersebut termasuk masalah jerawat," katanya.

Semua dalam satu

Menurut Adnin, produk inovasi yang dihasilkannya itu turut mempunyai pelbagai kelebihan bagi memudahkan pengguna.

"Kami menghasilkan produk ini bersama pelembab semula jadi dan kolagen yang menjadikan ia unik daripada bedak asas lain.

"Produk ini amat sesuai untuk wanita yang seharian bekerja di luar kerana ia amat mudah dipakai, selain membantu merawat masalah kulit serta melindunginya dari sebarang cela.

"Kesannya juga boleh dilihat serta merta sebaik sahaja dioleskan pada wajah. Tidak akan bercapuk, sebaliknya ia sekata di wajah," katanya.

Bekas jurutera ini juga berkata, pengalaman kerjaya sebelum ini mempengaruhi tindakannya untuk menghasilkan produk yang ringkas serta memudahkan pengguna.

"Produk ini dihasilkan untuk mudahnya penggunaan, tidak perlu menggunakan pelbagai produk. Hanya gunakan ZN IV DD Cream Moisterizer, kemudian ratakan ke seluruh wajah," katanya.

Fokus pasaran tempatan

Mengulas mengenai sasaran pemasaran produknya, Adnin berkata, untuk tahun ini, dia mahu memberikan fokus kepada pasaran tempatan terlebih dahulu sebelum meluaskan pasaran ke luar negara.

"Kami masih baru dalam perniagaan ini, justeru, tempoh ini, kami mahu mengukuhkan dahulu jenama dan syarikat di sini. Selain masih membuka peluang bagi sesiapa yang berminat untuk menjadi ejen kami.

"Insya-ALLAH apabila produk ini semakin mendapat sambutan, barulah kami akan mula meluaskan pasaran ke negara jiran," katanya.

Adnin turut berharap agar jualan produknya mencapai sasaran sehingga 100,000 unit sehingga penghujung tahun ini.

ZN IV DD Cream Moisterizer boleh didapati dalam tiga varian botol, iaitu pek percubaan 5 gram, 10 gram dan 30 gram.

Harga pula bermula dari RM10, RM49.90 (10 gram) dan RM119 (30 gram).



BERITA ONLINE
BERNAMA.COM

TARIKH: 26 OKTOBER 2017 (KHAMIS)



Gempa Sederhana Gegar Laut Banda

KUALA LUMPUR, 25 Okt (Bernama) -- Satu gempa bumi sederhana berukuran 5.2 pada skala Richter menggemarkan Laut Banda, Indonesia pada 7.58 malam tadi.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam satu kenyataan, berkata gempa berlaku 1,767 kilometer dari tenggara Semporna di Sabah.

Kejadian gempa itu tidak mencetuskan ancaman tsunami, katanya.

-- BERNAMA